

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KESEPULUH**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11 Disember 2001**

**SOALAN**

YB Puan Hajah Che Jam Binti Harun minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan "Tabung Khas Untuk Ibu Tunggal" bertujuan memberikan pinjaman kepada ibu-ibu tunggal mendapatkan pinjaman bagi menjalankan perniagaan atau pembentukan persekolahan anak-anak dan lain-lain urusan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, Kementerian memang sangat sedar dan prihatin terhadap masalah yang sering dihadapi oleh golongan ibu tunggal termasuk dari segi kewangan. Oleh yang demikian, salah satu teras strategik Kementerian adalah membantu wanita menghadapi masalah mendesak dengan memberi khidmat sokongan seperti bimbingan dan kaunseling. Pada masa yang sama, Kementerian bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang relevan serta Pertubuhan Bukan Kerajaan untuk melaksanakan program pembangunan kapasiti bagi golongan ini. Mengenai bantuan kewangan termasuk pinjaman kepada ibu tunggal, perkara ini akan dikaji oleh Kementerian. Dalam hal ini, Kementerian akan mengambil kira pelbagai skim yang sedia ada. Soal sama ada sebuah Tabung seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan berdaya maju atau sebaliknya juga perlu dikaji dengan teliti.

